

SULIT*

2

1

- Bertanggungjawab membuat keputusan tertinggi
- Menyentuh kerjasama politik dan sosio-budaya ASEAN

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM)
- B Mesyuarat Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan (SEOM)
- C Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sosial (COSD)
- D Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEMM)

2 Antara yang berikut, yang manakah merupakan mekanisme ke arah menjayakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)?

- A Perjanjian terbaik-baik dan kerjasama
- B Skim Usaha Sama Perindustrian ASEAN
- C Perjanjian Am Perdagangan dan Tarif (GATT)
- D Skim Keutamaan Tarif Sama Rata Berkesan (CEPT)


3 Antara yang berikut, yang manakah merupakan cabaran kepada Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) selepas era 2000?

- I Keganasan antarabangsa ✓
- II Peningkatan kerjasama multilateral
- III Persaingan di kalangan negara-negara perindustrian
- IV Kemunculan Amerika Syarikat sebagai kuasa unipolar ✓

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

4



Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan X?

- A Persidangan Asia Eropah (ASEM)
- B Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)
- C Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)
- D Perundingan Ekonomi Asia Tmur (EAEG)

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

4

8 Antara yang berikut, yang manakah yang diperjuangkan oleh Malaysia untuk menangani isu-isu sosioekonomi antarabangsa?

- I Beban hutang negara membangun disemak semula
- II Negara-negara maju mengurangkan rintangan perdagangan
- III Perundingan Ekonomi Asia Timur menjadi blok perdagangan
- IV Mewujudkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara maju

A I dan II

C II dan IV

B I dan III

D III dan IV

9 Antara yang berikut, yang manakah merupakan pendirian Malaysia dalam menangani isu-isu politik antarabangsa?

- I Segala pertikaian hendaklah diselesaikan di meja rundingan
- II Isu tentang pendatang tanpa izin menjadi urusan bersama dunia
- III Segala masalah domestik hendaklah diselesaikan oleh rakyat negara itu sendiri
- IV Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu bertanggungjawab sepenuhnya menyelesaikan masalah politik antarabangsa

A I dan II

C II dan IV

B I dan III

D III dan IV

10

- Keganasan antarabangsa
- Pencabulan hak rakyat Palestin

Antara yang berikut, yang manakah membincangkan isu-isu di atas?

- A Persidangan Majlis Keselamatan PBB tahun 2001 di New York
- B Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM) 2003 di Malaysia
- C Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN 2004 di Filipina
- D Sidang Kemuncak Pertubuhan Islam (OIC) 2003 di Kuala Lumpur

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

5

11

- Syarikat-syarikat Malaysia telah meluaskan pelaburannya di Uganda, Zimbabwe, dan Tanzania
- Pelaburan dalam sektor perladangan, hiburan, hartanah dan telekomunikasi adalah secara usaha sama

Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A Dasar Sogoshosa
- B Kerjasama Selatan-Selatan
- C Kerjasama antara negara Komenwel
- D Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)

12 Antara yang berikut, yang manakah melibatkan Malaysia dalam misi keamanan di peringkat antarabangsa?

- I Perjanjian Damai Palestin-Israel ✓
- II Pembangunan semula Afghanistan
- III Pasukan Pengaman di Timur Leste ✓
- IV Pasukan Tentera Pengaman di Somalia ✓

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

13

	Negara	Jenis Perwakilan
I	Indonesia	Kedutaan
II	Kanada	Pesuruhjaya Tinggi
III	Jepun	Pesuruhjaya Tinggi
IV	Pakistan	Kedutaan

Antara yang berikut, yang manakah padanan yang betul tentang jenis perwakilan Malaysia di luar negara?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

6

14

- Memupuk ciri-ciri kepimpinan yang boleh dicontohi
- Melahirkan pekerja yang mempunyai etika kerja yang positif

Antara yang berikut, yang manakah mempunyai persamaan dalam mencapai objektif di atas?

- I Dasar Pensewastaaan
- II Dasar Pandang Ke Timur
- III Dasar Bersih, Cekap dan Amanah
- IV Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran

- A I dan II
- B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

15

Antara yang berikut, yang manakah merupakan faktor penentu dasar luar Malaysia?

- I Sistem demokrasi berparlimen
- II Agama Islam sebagai agama rasmi
- III Keanggotaan Malaysia dalam PBB
- IV Kedudukan Malaysia di Asia Tenggara

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

16

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) Dasar Wawasan Negara?

- I Mewujudkan masyarakat yang progresif
- II Meningkatkan bidang sains dan teknologi tempatan
- III Memberikan tumpuan terhadap peningkatan keutuhan dan daya saing negara
- IV Memajukan pembangunan sumber manusia untuk mewujudkan tenaga kerja yang berilmu dan produktif

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

17

Antara yang berikut, yang manakah dilaksanakan di bawah Dasar Sosial Negara?

- I Dasar Sogoshosa
- II Dasar Kependudukan
- III Dasar Pandang Ke Timur
- IV Dasar Pendidikan Nasional

- A I dan II
- B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

7

18

	Dasar		Objektif
I	Penswastaan	P	Penekanan pada teknologi yang tinggi
II	Persyarikatan Malaysia	Q	Mengurangkan beban kewangan kerajaan
III	Perindustrian berat	R	Berkongsi maklumat antara swasta dan kerajaan
IV	Pelan Induk Perindustrian	S	Menyediakan profil industri yang sesuai

Padankan dasar I, II, III dan IV dengan P, Q, R dan S.

	P	Q	R	S
A	III	I	II	IV
B	IV	I	II	III
C	III	II	I	IV
D	I	II	III	IV

19 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Konsep Islam Hadhari?

- I Membangunkan ilmu dan moral
- II Mewujudkan insan yang berjiwa bebas
- III Memupuk keharmonian hidup bermasyarakat
- IV Melahirkan satu masyarakat yang berdaya saing

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

20 Antara yang berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri?

- I Hak asasi rakyat
- II Kedudukan Sultan
- III Kewarganegaraan negeri
- IV Kuasa Dewan Undangan Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

9

25 Antara yang berikut, yang manakah jawatan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong?

- I Setiausaha Parlimen
- II Setiausaha Dewan Rakyat
- III Gabenor Bank Negara Malaysia
- IV Anggota Suruhanjaya Pilihanraya

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

26 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Ketua Audit Negara?

- I Mengaudit dan membuat laporan akaun kerajaan
- II Menyediakan cadangan peruntukan kewangan tahunan
- III Memastikan perbelanjaan awam yang cekap dan berkesan
- IV Menyelaraskan peruntukan dan perbelanjaan wang kerajaan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

27

- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara
- Turut dihadiri oleh Setiausaha Kerajaan Negeri
- Mewujudkan persefahaman antara pentadbiran Persekutuan dan Negeri

Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

- A Jawatankuasa Kabinet
- B Majlis Keselamatan Negara
- C Majlis Pembangunan Negara
- D Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

10

28

	Kementerian		Fungsi
I	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	P	Melaksanakan dasar tanah dan pembangunan tanah
II	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Q	Memajukan dan menggalakkan piawai bagi menjamin kualiti barangan melalui SIRIM BERHAD
III	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	R	Meningkatkan pengeluaran dan teknologi pemprosesan makanan
IV	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	S	Memajukan penghasilan perusahaan dan kegunaan barangan utama seperti kelapa sawit

Antara yang berikut, yang manakah padanan yang betul tentang kementerian di atas dan fungsinya?

	I	II	III	IV
A	S	R	Q	P
B	Q	R	S	P
C	R	S	P	Q
D	S	Q	P	R

29 Antara yang berikut, yang manakah merupakan organisasi atau agensi kerajaan yang terletak di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri?

- I Amanah Raya Berhad
- II Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)
- III Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- IV Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

- A I dan II
- B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

11

30

	Ciri	Majlis Perbandaran	Dewan Bandaraya
I	Taraf kawasan	Pusat bandar	Ibu negeri
II	Bilangan penduduk	Melebihi 100,000 orang	Melebihi 250,000 orang
III	Pendapatan tahunan	Melebihi RM5 juta	Melebihi RM20 juta
IV	Bilangan ahli majlis	8-12 orang	20 – 24 orang

Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya?

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

31 Antara yang berikut, yang manakah tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam urusan pembinaan bangunan persekutuan?

- A Peruntukan kewangan
 B Bekalan tenaga elektrik
 C Kelulusan penggunaan tanah
 D Kebenaran melaksanakan projek

32 Antara yang berikut, yang manakah merupakan tanggungjawab Perbendaharaan Malaysia?

- I Mengaudit perbelanjaan kerajaan
 II Mengawal perkembangan sektor insurans
 III Meluluskan bajet negara pada setiap tahun
 IV Menguruskan pinjaman perumahan kakitangan awam

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

33 Menurut Perlembagaan Persekutuan, ahli-ahli Majlis Raja-Raja boleh bertindak menurut budi bicara mereka dalam hal-hal berikut iaitu

- I Melantik jemaah pemangku raja
 II Membubarkan Dewan Undangan Negeri
 III Memilih atau memecat Yang di-Pertuan Agong
 IV Mempersetujui atau tidak mempersetujui undang-undang mengubah sempadan negeri

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

12

34

	Agensi Kerajaan	Fungsi
I	Biro Pengaduan Awam	Menyiasat aduan orang ramai terhadap agensi-agensi kerajaan
II	Badan Pencegahan Rasuah	Menentukan wang awam dibelanjakan mengikut peraturan
III	Jabatan Audit Negara	Mencegah berlakunya penyelewengan perbelanjaan wang kerajaan
IV	Tribunal Perkhidmatan Awam	Menyelesaikan pertikaian anamoli yang berkaitan dengan saraan dalam perkhidmatan awam

Antara yang berikut, yang manakah merupakan padanan yang betul tentang agensi kerajaan dan fungsinya?

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesalahan rasuah?

- I Membuat tuntutan palsu
II Menyalahgunakan jawatan atau kedudukan
III Melewat-lewatkan urusan pentadbiran awam
IV Memberikan hadiah kepada kakitangan awam

- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

36 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan Ordinan?

- I Undang-undang yang diluluskan sebelum merdeka
II Undang-undang kecil yang diluluskan oleh kerajaan tempatan
III Diluluskan oleh Dewan Negara semasa Dewan Rakyat dibubarkan
IV Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Sarawak

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

13

- 37 Antara yang berikut, yang manakah menyalahi Perlembagaan Persekutuan?
- I Ahli Dewan Negara dipecat daripada jawatan
 - II Ahli Dewan Rakyat dilantik menjadi Ahli Dewan Negara
 - III Ahli Dewan Negara memegang jawatan selama tiga penggal
 - IV Ahli Dewan Negara dilantik daripada kalangan ahli Dewan Undangan Negeri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 38 Antara yang berikut, yang manakah tidak benar tentang badan perundangan di Malaysia?
- A Ahli badan perundangan bersara pada usia 65 tahun
 - B Keanggotaan ahli Dewan Rakyat ditentukan melalui pilihanraya
 - C Ahli Dewan Undangan Negeri boleh menjadi ahli Dewan Rakyat
 - D Ahli Dewan Negara yang mewakili Wilayah Persekutuan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong
- 39 Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan Suruhanjaya Pilihan Raya?
- I Mengadakan pilihan raya kecil
 - II Membatalkan keputusan pilihan raya
 - III Mengubah persempadanan pilihan raya
 - IV Melantik kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 40 Antara yang berikut, yang manakah boleh menyebabkan seseorang ahli Majlis Parlimen terlucut keanggotaannya?
- I Memegang jawatan dalam sektor awam
 - II Dihadapkan ke mahkamah untuk pengisytiharan mufliis
 - III Tidak menghadiri persidangan Parlimen selama tiga bulan
 - IV Memperolehi taraf kewarganegaraan daripada negara asing
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

14

- 41 Antara yang berikut, yang manakah boleh dibicarakan di Mahkamah Tentera?
- I Anggota tentera yang melakukan rompakan bersenjata
 - II Anggota tentera yang melanggar peraturan ketenteraan
 - III Anggota tentera yang ingkar perintah pegawai atasannya
 - IV Anggota tentera yang melakukan pecah amanah terhadap tugas

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

- 42 Antara yang berikut, yang manakah boleh meminda dan memerintahkan perbicaraan semula kes jenayah atau sivil?
- I Mahkamah Tinggi
 - II Mahkamah Sesyen
 - III Mahkamah Majistret
 - IV Mahkamah Persekutuan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

43

- Kesalahan : mencuri
- Mahkamah : Mahkamah Majistret

Antara yang berikut, yang manakah hukuman maksimum yang boleh dikenakan terhadap tertuduh?

	Penjara	Denda	Sebat
A	2 tahun	RM5 000	10 kali
B	3 tahun	RM7 000	10 kali
C	5 tahun	RM10 000	12 kali
D	7 tahun	RM12 000	12 kali

- 44 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang Mahkamah Koroner?
- I Menyiasat punca kematian
 - II Tidak menjatuhkan apa-apa hukuman
 - III Diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi
 - IV Membicarakan kes yang menyebabkan kematian

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

16

Soalan 48 dan 49 berdasarkan jadual 1 berikut

Jadual 1 : Indeks Harga Saham di Bursa Malaysia

SAHAM TERPILIH : 6 OKTOBER 2005			
Kaunter	Jumlah Urusniaga (Lot)	Harga Tutup (RM)	+/- Sen
UMW	6236	5.95	Sama
TNB	12241	5.40	+0.10
Gamuda	49465	3.14	+0.04
Ranhill	65899	0.99	+0.02
TELEKOM	80935	0.20	+0.01
MOX	3842	12.50	-0.10
WTK	3180	3.42	-0.04
CIMB	2617	6.26	-0.05

- 48 Antara yang berikut, kaunter manakah yang menunjukkan kadar kenaikan harga saham yang paling tinggi?
- A TNB
B UMW
C MOX
D CIMB
- 49 Antara yang berikut, kaunter manakah yang paling aktif?
- A YTL
B Ranhill
C TELEKOM
D Gamuda

Sebuah kilang mempunyai pekerja mahir dan separa mahir. Pekerja mahir dapat menghasilkan sebanyak 40 buah kereta mainan sehari manakala pekerja separa mahir menghasilkan 25 buah kereta mainan sehari

- 50 Jika kilang itu beroperasi 16 jam sehari, berapakah bilangan masa operasi yang telah dijalankan oleh pekerja mahir dan separa mahir dalam bulan Ogos jika sebanyak 1625 buah kereta mainan telah dihasilkan?
- A 192 jam
B 400 jam
C 499 jam
D 998 jam

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

17

Soalan 51 dan 52 berdasarkan jadual 2 di bawah

Jadual 2: Malaysia: Peratus Kemiskinan Mengikut Negeri Tahun 1999 dan 2002

Negeri	1999	2002
Johor	2.5	1.8
Kedah	13.75	10.7
Kelantan	18.7	12.4
Kuala Lumpur	2.3	0.5
Melaka	5.7	2.7
Negeri Sembilan	2.5	2.2
Pahang	5.5	3.5
Perak	9.5	7.9
Perlis	13.3	10.1
Pulau Pinang	2.7	1.4
Sabah	20.1	16.0
Sarawak	6.7	5.8
Selangor	2.0	1.1
Terengganu	14.9	10.7
Jumlah	7.5	5.1

- 51 Antara yang berikut, yang manakah tidak benar tentang kadar kemiskinan di Malaysia pada tahun 1999?
- I Terengganu mencatat kadar kemiskinan tertinggi bagi timur Semenanjung
 - II Seramai 92.5% daripada rakyat Malaysia berada di luar garis kemiskinan
 - III Perlis merupakan negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di utara Semenanjung
 - IV Sarawak menduduki tempat kedua tertinggi dalam senarai peratus kemiskinan mengikut negeri di timur Malaysia

A I dan II
B I dan III

C II dan IV
D III dan IV

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

[Lihat sebelah
SULIT*

SULIT*

19

Soalan 55 dan 56 berdasarkan jadual 4 di bawah

Kadar Tukaran Mata Wang Asing Dikeluarkan
Pada 17 Ogos 2005

Mata Wang	Jualan	Belian
1 Dolar A.S	3.825	3.775
1 Dolar Australia	3.015	2.955
1 Dolar Kanada	3.115	3.053
1 Pound Euro	5.000	4.901
1 Dolar Singapura	2.343	2.297
1 Pound Sterling	7.270	7.126

55 Encik Tan ingin mendapatkan mata wang dengan jumlah yang berikut

Dolar A.S	=	350
Pound Euro	=	150
Pound Sterling	=	200

Berapakah jumlah Ringgit Malaysia yang perlu disediakan oleh En.Tan?

- | | |
|-------------|-------------|
| A RM2693.00 | C RM3542.75 |
| B RM2533.75 | D RM3801.35 |

56 Encik Hanz akan bertolak ke Kanada dan Amerika pada bulan Ogos. Dia telah menukarkan 2000 Dolar A.S dan 3000 Dolar Kanada. Kemudian dia telah membatalkan perjalanannya. Berapakah peratus kerugian yang dialami apabila beliau menukar semula wangnya dalam nilai RM?

- | | |
|---------|---------|
| A 0.38% | C 1.68% |
| B 1.41% | D 1.82% |

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***

SULIT*

20

Soalan 57 dan 58 berdasarkan jadual 5 berikut.

Jumlah Eksport Barangan Negara M Pada Tahun
1998 dan 2000

Barangan	Eksport	
	1998	2000
1.Peralatan Jentera	23.8%	16.3%
2.Barangan Elektrik	8.9%	8.6%
3.Makanan	16.4%	8.9%
4.Logam	9.3%	7.4%
5.Tekstil	8.9%	1.6%
6.Petroleum	0.6%	8.0%
7.Barangan Mewah	21.8%	40.5%
8.Ubatan	10.3%	8.7%
Jumlah	RM56 344 juta	RM67 104 juta

57 Antara barangan yang berikut, manakah yang mengalami kurangan eksport bagi Negara M pada tahun 2000?

- I Barangan elektrik
- II Petroleum
- III Tekstil
- IV Logam

- A I dan II
- B II dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

58 Jika diramalkan eksport Negara Q meningkat sebanyak 76.7% pada tahun 2006 berbanding tahun 2000, berapakah nilai sebenar eksport negara itu pada tahun tersebut?

- A RM104 429 juta
- B RM118 573 juta
- C RM129 698 juta
- D RM136 869 juta

STPM 900/1

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat sebelah
SULIT***